


# NewspaperSG

## Komitmen penting bagi setiap pesilat

BERITA HARIAN, 11 January 2006, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL26558

Printer-Friendly Page

# Komitmen penting bagi setiap pesilat

## Sheik Alauddin lakar persiapan musim 2006

SILAT

oleh **Mohd Sani Ali**

**KOMITMEN** merupakan keutamaan yang perlu dimiliki oleh setiap ahli pencak silat yang ingin mewakili negara dalam semua kejohanan antarabangsa, tidak terkecuali Sukan SEA.

Ini akan menjadi garis pandu dan asas yang akan diterapkan oleh pengarah teknikal Persekutuan Pencak Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yaacob, dalam membuat pemilihan ke atas barisan pencak silat nasional akan datang.

sember ini di Thailand.

“Komitmen seharusnya datang daripada atlit sendiri. Kerana ia memerlukan setiap pengorbanan untuk menjadi seorang atlit unggul,” kata Sheik Alauddin ketika mengulas mengenai perancangan musim ini.

Menurut pengarah teknikal Persisi itu lagi, pihaknya puas hati dengan geraf persembahan yang telah dipersembahkan oleh para pesilat di Sukan SEA Manila tahun lalu.

Sheik Alauddin menyatakan demikian sebagai melakar persiapan Persisi dalam mengharungi musim 2006 memandangkan Kejohanan Pencak Silat Dunia akan berlangsung dalam Di-

“Disiplin bukannya tidak penting, tetapi ia boleh kami bimbing menerusi garis pandu dan peraturan yang telahpun sedia ada,” tambahnya. “Tetapi komitmen, hanya para atlit yang tahu sejauh mana mereka boleh melibatkan diri dengan sukan ini.”

“Dari segi persembahan, kami cukup puas hati, tetapi dari segi hasilnya pula kami agak kecewa,” kata Sheik Alauddin merujuk kepada satu pingat emas, tiga perak dan tujuh gangsa.

**Mengulas mengenai hasil persembahan di Manila, pengarah teknikal Persisi itu tidak berse-  
lindung menyatakan antara kegagalan para pesilatnya ialah kerana kegagalan memberikan tumpuan sepenuhnya sebaik turun ke gelanggang pertarungan.**

**“Bagaimanapun, perbezaannya ialah sebaik mereka turun ke gelanggang pertarungan,” kata Sheik Alauddin.**

**Beliau akan memben-**

**“Sebagai jurulatih, kami boleh menegur dan membaiki teknik pertarungan. Tetapi dari segi mental, kami memerlukan orang yang berupaya**

**“Saya kira kami telah membuat persiapan yang paling rapi menjelang Sukan SEA. Dari segi teknikal dan fizikal serta persiapan mental, saya boleh akui kami setaraf dengan setiap pasukan peserta negara lain.**


**tangkan usulan agar skuad negara memiliki ahli psikologi yang mampu meningkatkan semangat juang anak buahnya.**

**menyemarakkan semangat mereka pada saat-saat akhir itu,” tegas Sheik Alauddin.**



Dalam masa yang sama, beliau yakin Persisi mampu mengekalkan kedudukan mereka sebagai salah sebuah badan Persekutuan Sukan Nasional (NSA) dalam kumpulan sukan utama walaupun hanya membawa sebutir emas dari Manila menerusi Imran Abdul Rahman.

“Kami akan membentangkan kepada Majlis Sukan Singapura (SSC) mengenai program kami bagi 2006 termasuk penyertaan kami di kejohanan-kejohanan Eropah.”



**TEGURAN MEMBINA:** Pengarah teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob memberi teguran ketika membantu Imran Abdul Rahman dalam Sukan SEA Manila lalu.

**foto Zainal Yahya**